



## **SURAT PEMBERITAHUAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
BILANGAN 11/2020**

### **PERMOHONAN CUTI-CUTI YANG MEMERLUKAN KEBENARAN KELUAR NEGERI**

Dengan hormat merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 6/2020 mengenai 'Garispanduan Pengawalan dan Menangani Pandemik COVID-19 Bagi Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam' yang berkuatkuasa pada 16 Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, sukacita memaklumkan bahawa proses dan tatacara permohonan cuti yang memerlukan kebenaran keluar negeri hendaklah diselaraskan dengan Surat Keliling berkenaan. Oleh itu penyelarasan permohonan cuti yang dikemaskinikan adalah seperti berikut:

#### **1. Tatacara Permohonan**

- a. Bagi permohonan yang memulakan cuti selepas 16 Mac 2020 (tarikh bermula Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil. 6/2020), yang seterusnya memerlukan kebenaran keluar negeri, permohonan akan dikembalikan kepada Ketua Jabatan.
- b. Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan keluar negeri dan mendapat kebenaran daripada Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu sebelum menghadapkan permohonan cuti berkenaan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.
- c. Setelah permohonan kebenaran keluar negeri diberikan daripada Jabatan Perdana Menteri, permohonan cuti yang memerlukan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam akan dihadapkan.
- d. Bagi cuti-cuti yang tidak memerlukan kebenaran keluar negeri seperti Cuti Tidak Bergaji yang hanya akan bercuti dalam negeri, permohonan bolehlah dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam seperti lazimnya.
- e. Bagi permohonan cuti dan seterusnya kebenaran keluar negeri yang diberikan kebenaran awal oleh Jabatan ini sebelum 16 Mac 2020 adalah dengan ini dibatalkan.



-2-

2. Jenis-Jenis permohonan Cuti yang dimaksudkan dalam Surat Pemberitahuan ini adalah:

- a. Permohonan cuti khususnya bagi warga Perkhidmatan Awam yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan tetap, open vote, dan sebulan-ke-sebulan.
- b. Cuti Tidak Bergaji
- c. Cuti khas menemani Suami/Isteri bertugas diluar negeri
- d. Cuti Tanpa Catat; dan,
- e. Lain-lain cuti yang memerlukan kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam yang sekaligus memerlukan kebenaran keluar negeri.

3. Tarikh Kuatkuasa

Surat Pemberitahuan ini akan dikuatkuasakan bagi permohonan-permohonan cuti yang tarikh memulakan cuti adalah bermula 16 Mac 2020 sehingga ke suatu tempoh yang akan dimaklumkan kemudian.

Tatacara dan permohonan cuti-cuti akan dikemaskinikan mengikut keperluan dari masa ke semasa.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan lanjut mengenainya.

والله ولي التوفيق

*"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"*  
*"Jimat Air Amalan Mulia"*

(DR. NORFARIZAL BIN OTHMAN)  
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh: 23 Rejab 1441H  
18 Mac 2020M

Rujukan: JPA/04/03/2/01